

PERBANDINGAN PEMIKIRAN KONSEP AKHLAK AL-GHAZALI DAN IBN MISKAWAYH DALAM ASPEK INTELEK

Zulfahmi Syamsuddin [1], Wan Hasmah Wan Mamat [2]

[1] Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya, Malaysia
zulfahmi@siswa.um.edu.my

[2] Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya, Malaysia
wanhasmah@um.edu.my

ABSTRACT

The destruction of character and moral values significantly influence the progress and degeneration of a country's civilization. Therefore, evaluating and examining a concept of civilized character from the past for a future development is essential, especially related to the intellectual aspects that form the character. This study aimed at examining the thought of Al-Ghazali and Ibn Miskawayh in character concept; Moreover, this study also looks at the similarities and differences of both character concepts in the intellectual aspect to be applied in Islamic education. The methodology used in this study is inquiry approach through philosophical analysis with interpretation analysis, inductive, deductive, and comparative. A checklist for analyzing texts concerning character aspect has been created in order to know the concept of character in accordance with intellectual aspect. The text analysis of al-Ghazali's thought refers to *Ihya' Ulum al-Din*, *Mizan al-Amal* dan *Ayyuha al-Walad* books. While the analysis of Miskawayh's thought refers to *Tahdhib al-Akhlaq*, *The Refinement of Character* and *The Ethical Philosophy of Miskawayh* books. The result reveals that in general al-Ghazali and Ibn Miskawayh's thought discuss the noble character (*ummahat al-akhlaq*). Both figures view that there is a power of knowledge inside the human soul that controls anger, appetitive faculties and completes the power of justice to distinguish between good and evil. The difference is that Al-Ghazali presents intellectual aspects internally and he groups it under *gharizi* sense (instinct) and *muktasab* sense (effort). On the other hand, Ibn Miskawayh explains those aspects externally from processes of thought and objects of thought. Based on the comparison of the two figures, the concept of character includes applicable intellectual aspects of Islamic education based in the mind (*'aql*) which produce wisdom (*hikmah*) to determine good and true choices and to implement them in teaching and learning in Islamic education.

Keywords: *character, al-Ghazali, Miskawayh, intellectual*

PENGENALAN

Melalui pendidikan manusia dapat mempelajari semua konsep dan pelbagai aspek dalam kehidupan demi menjaga kelangsungan hidup. Manusia boleh membentuk satu tamadun yang stabil dan sempurna melalui akhlak mulia. Sejarah telah menyaksikan bahawa antara sebab yang membawa kemusnahan dan kehancuran sesuatu bangsa ialah akibat daripada kerakusan manusia dan hilangnya nilai-nilai kemanusiaan serta akhlak dalam kehidupan (Asmawati Suhid, 2009). Ianya menjadi satu idea pemikiran bahawa pendidikan akhlak perlu sepanjang kehidupan manusia agar tamadun dapat menjaga kelestarian akhlak manusia

seutuhnya. Pada hakikatnya pandangan tentang akhlak (Sembodo Ardi Widodo, 2003) tidak terhad pada susunan hubungan manusia dengan manusia lainnya, tetapi ianya mengawal hubungan manusia dengan segala perkara yang terkandung dalam kehidupan dan lebih dalam lagi mengatur hubungan antara manusia dengan Tuhannya.

Fadlil Yani Ainusyam (2007) menyatakan pula bahawa pendidikan akhlak merupakan bahagian penting dalam pembinaan peribadi individu dan moral bangsa. Akhlak itu sendiri tidak bisa dipisahkan dari ajaran Islam namun dalam pelaksanaan pendidikannya harus diarahkan untuk membina tingkah laku yang luhur dan membina moral bangsa. Pandangan di atas diperkuat oleh Al-Jamil (1992) yang menyatakan "Islam mengajarkan kehidupan yang dinamik dan progresif, menghargai akal fikiran melalui pengembangan ilmu pengetahuan, bersikap seimbang dalam memenuhi keperluan jasmani dan rohani, sentiasa mengembangkan kepedulian sosial, berakhlak mulia dan sikap-sikap positif yang lainnya" (hlm. 11-12). Namun, dalam amalan umat Islam hanya berlaku untuk membayar kewajipan dan menjadi simbol ketaqwaan. Implikasi daripada ibadah yang bertujuan untuk kepedulian sosial kurang diberi penekanan. Fadlil Yani Ainusyam (2007) menegaskan pula bahawa masyarakat telah salah memahami simbol-simbol agama, agama lebih dimaknai sebagai penyelamat individu dan bukan keberkahan sosial secara bersama.

Dalam era globalisasi sekarang ini terjadi pelbagai isu akhlak dan moral dalam semua kalangan sebagaimana yang diperkatakan oleh Ismail Ibrahim (1996). Menurut beliau isu peradaban dan akhlak tidaklah merupakan persoalan dalam kalangan remaja sahaja, persoalan ini sebenarnya merupakan persoalan yang menyeluruh yang melibatkan hampir semua golongan dan kategori sosial. Apatah lagi melalui media yang begitu jelas diterangkan berita rasuah, jenayah, ambang unsur keghairahan seksual, salah laku pendidik dan pelajar di sekolah-sekolah yang berlaku di Malaysia, Indonesia dan di pelbagai negara-negara Islam lainnya. Sebenarnya agama dan institusi pendidikan serta persekitaran menurut Imran Effendy (2003) adalah amat memainkan peranan penting bagi mengatasi persoalan dan isu akhlak yang meresahkan semua pihak.

Huraian di atas menjadi sesebuah pemikiran yang mesti diperbincangkan untuk perkembangan ilmu dan mencari jalan yang sesuai dengan perkembangan manusia dalam era globalisasi yang sangat berpengaruh kepada tingkah laku, etika dan akhlak. Tingkah laku, etika, dan akhlak pada amnya adalah sebagai modal dalam pembangunan moral bangsa. Justeru, akhlak pada khasnya adalah sebagai jatidiri amalan Islam yang murni untuk menunjukkan pribadi yang mulia dalam erti sebenarnya. Perbincangan di atas menjelaskan bahawa sejak awal peradaban Islam mahupun peradaban manusia sehingga sekarang persoalan dan isu akhlak terus diperbincangkan dari semasa ke semasa, oleh itu kajian ini juga berhasrat mengkaji pemikiran-pemikiran mengenai konsep akhlak secara integrasi untuk mencapai sebuah maklumat dan konsep yang menyeluruh dan sesuai dengan isu-isu semasa.

Penyataan Masalah

Berdasarkan pengenalan di atas telah menunjukkan pentingnya akhlak dalam pembinaan modal insan. Oleh itu, kajian ini cuba meneroka, membandingkan dan menganalisis pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh tentang konsep akhlak dalam aspek intelek.

Pelbagai kajian yang telah dijalankan untuk melihat perbandingan pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam bidang akhlak. Azizah Zakaria (2004) mengkaji tentang beberapa aspek dalam falsafah etika al-Ghazali, beliau merumuskan bahawa etika al-Ghazali adalah suatu etika yang komprehensif. Mohd Rusli Hussain (2003) pula mengkaji perbandingan pemikiran antara al-Ghazali dan Ibn Khaldun dari segi pembangunan insan secara terperinci dan spesifik. Mengikut beliau kelemahan al-Ghazali berbanding Ibn Khaldun adalah dalam mengaitkan manusia dengan unsur luaran kerana unsur luaran merupakan unsur sampingan yang hanya sesuai digunakan mengikut kesesuaian sesuatu kelompok dan bukan perkara dasar yang menjadi kemestian dalam pembangunan insan. Justeru, wujud unsur-unsur itu boleh diteroka juga wujud persamaan dan perbezaan antara pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh.

Pemikiran falsafah akhlak Ibn Miskawayh juga dibincangkan oleh Mohd Jais Anuar Ahmad (2003). Beliau membincangkan tentang pemikiran Ibn Miskawayh mengenai ketokohnya dalam menghuraikan falsafah akhlak secara terperinci. Pemikiran falsafah akhlak telah dicorakkan melalui gabungan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang pernah beliau lalui. Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Mohd Sullah (2010) yang membandingkan konsep pendidikan akhlak Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Ibn Miskawayh yang


memfokuskan kepada pendidikan akhlak dari aspek karya, hakikat manusia dan konsep pendidikan akhlak daripada kedua-dua tokoh.

Perbincangan terhadap beberapa kajian yang telah dijalankan di atas menunjukkan al-Ghazali dan Ibn Miskawayh kerap membincangkan tentang konsep akhlak daripada pelbagai perspektif. Abubakar Aceh (1982) mengkategorikan al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam aliran moral dan akhlak. Oleh itu, kajian ini melihat dari sudut fokus yang berbeza dari kajian-kajian di atas. Kajian ini lebih berfokus kepada perbandingan konsep akhlak menurut pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dari segi intelek sebagai penggerak tingkah laku.

Dalam sejarah pemikiran Islam, pemikiran al-Ghazali kurang dipengaruhi oleh pemikiran falsafah Yunani bahkan ia menentang pemikiran ahli falsafah Yunani dalam bukunya Tahafut al-Falasifah. Sementara Ibn Miskawayh, pemikirannya dipengaruhi oleh pemikiran falsafah Yunani. Justeru itu, bagaimanakah pemikiran kedua-dua tokoh ini? Apakah intipati pemikiran kedua-dua tokoh dalam konsep akhlak? Apakah wujud persamaan dan perbezaan pemikiran antara kedua-dua tokoh? Oleh itu, kajian ini dapat memastikan titik persamaan dan perbezaan dalam konsep akhlak antara kedua-dua tokoh. Persoalan-persoalan itu adalah penting untuk melihat aspek yang perlu diperbaiki atau disokong tambah dalam membentuk konsep akhlak yang sesuai kehendak fitrah manusia dan Tuhan.

Kerangka Konseptual Kajian

Dalam menentukan hala tuju kajian yang jelas berikut dirumuskan konseptual kajian agar memudahkan analisis dan pengolahan data.



Rajah 1
Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual dalam Rajah 1 menjelaskan bahawa pemikiran konsep akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dikaji dengan menggunakan pendekatan inkuiri. Seterusnya pendekatan inkuiri dianalisis melalui perbandingan pemikiran kedua tokoh secara analisis falsafah dengan menggunakan tiga cara iaitu: interpretasi, induktif dan deduktif, serta perbandingan. Data yang diperoleh dianalisis untuk melihat persamaan dan perbezaan konsep daripada aspek intelek. Akhirnya dirumuskan konsep akhlak daripada integrasi pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pandangan al-Ghazali dan Ibn Miskawayh tentang konsep akhlak dalam aspek intelek serta melihat persamaan dan perbezaan konsep akhlak kedua-dua tokoh dalam aspek ini.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif berikut:

- a) Meneroka pandangan al-Ghazali tentang konsep akhlak dalam aspek intelek.
- b) Menelaah pandangan Ibn Miskawayh tentang konsep akhlak dalam aspek intelek.
- c) Menganalisa persamaan dan perbezaan konsep akhlak antara al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam aspek intelek.

KAJIAN LITERATUR

Akhlak dalam Islam sangat penting dan besar pengaruhnya dalam membina dan membentuk manusia. Pendekatan Islam dalam amalan dan pendidikan akhlak amat menekankan kepada penanaman akidah atau rohani yang mantap (Asmawati Suhid, 2009). Kepentingan akidah dalam pendidikan akhlak dapat dilihat menerusi nash-nash al-Quran dan Hadith. Al-Quran adalah wahyu Allah s.w.t. yang mengandungi petunjuk, arahan dan perbezaan antara hak dan batil terutama dalam tiga bidang iaitu aqidah, syari'ah dan akhlak. Allah s.w.t. menegaskan dalam al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu teladan yang baik bagimu (iaitu bagi orang yang mengharapkan (rahmat) Allah dan (ketibaan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

(Surah *al-Ahzab* 33:21)

Ayat di atas menjelaskan perilaku Baginda Rasulullah s.a.w. sebagai contoh teladan untuk seluruh umat Muslim dan juga seluruh umat manusia.

Konsep Akhlak Dalam Islam

Islam adalah agama yang menekankan pembinaan dan pembentukan akhlak dan keperibadian mulia di kalangan semua individu. Akhlak membina diri insan agar menjadi seorang yang tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah s.w.t. di samping memiliki sifat dalaman suci dari segi peribadi dan personaliti luaran. Oleh itu, untuk menentukan secara terperinci konsep akhlak mestilah memahami definisi akhlak secara bahasa dan istilah terlebih dahulu.

Akhlak dapat didefinisikan dalam dua bentuk iaitu dari segi bahasa dan istilah. Dari segi bahasa Arab menurut Abd al-Latif (1985), akhlak adalah bentuk jamak dari *khuluq* yang bererti kebiasaan, perilaku, tabi'at, marwah, dan *din* (agama). Manakala Bugha (1997) memberikan takrif akhlak iaitu sifat yang menetap dalam jiwa, baik secara semula jadi (fitrah) ataupun yang diusahakan, yang memberikan pengaruh dalam sikap yang baik dan buruk. Pengertian yang sama juga dibincangkan oleh Nasir Omar (1986), Abdur Rahman Md Aroff (1999), Harun Din (2001), Imran Efendy Hasibuan (2003), dan Asmawati Suhid (2009). Mereka memandangkan bahawa perkataan akhlak merupakan bentuk jamak dari kata '*khuluq*' (tingkah laku). Mengikut Harun Din (2001), beliau membezakan istilah *al-khalq* dan *al-khuluq* dengan perbezaan yang amat jauh antara akhlak yang bermakna keindahan fizik dengan akhlak yang berkekalan.

Akhlak juga boleh didefinisikan sebagai sifat semulajadi, marwah, tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama (Nasir Omar, 1986; Abdur Rahman Md Aroff, 1999; Asmawati Suhid, 2009). Ditakrifkan mengikut Kamus *Mu'jam Wajiz* (2000) bahawa akhlak adalah ilmu yang berhubungan dengan hukum-hukum nilai yang berkaitan dengan perbuatan yang bersifat baik dan buruk.

Daripada beberapa definisi yang dikemukakan di atas, meskipun berbeza-beza perkataan tetapi dalam pengertian yang sama. Oleh itu, akhlak dapat dinyatakan mempunyai pengertian yang merangkumi empat hubungan iaitu hubungan akhlak terhadap Tuhan, hubungan akhlak terhadap diri sendiri, hubungan akhlak terhadap masyarakat dan hubungan akhlak terhadap alam sekitar.

Akhlahk dari segi istilah banyak diberikan definisi oleh sarjana Islam berkaitan dengan pengertian dan konsep akhlahk. Akhlahk merupakan sifat yang muncul dari jiwa yang melahirkan perbuatan dengan mudah tanpa perlu difikirkan mahupun diusahakan (Abd al-Latif, 1985). Pandangan lain yang menjelaskan bahawa akhlahk adalah satu ilmu yang membahaskan tingkah laku manusia sama ada baik dan buruk. Islam menyeru kepada akhlahk yang baik dan melarang berbuat keburukan (Sayyed Naim, 1996; Bugha, 1997). Mengikut Asmawati Suhid (2009) akhlahk mengandungi sifat yang dimiliki oleh individu sejak kelahirannya, yang menerusi latihan, rangsangan yang akhirnya menjadi tabiat, dan akhlahk juga meliputi dua dimensi iaitu batin dan zahir dalam bentuk perlakuan. Pengertian ini selaras dengan huraian Nasir Omar (1986).

Akhlahk juga didefinisikan oleh Haron Din (2001) sebagai dua bentuk iaitu akhlahk Islam dan akhlahk falsafah. Akhlahk Islam ialah akhlahk yang bersumber kepada wahyu al-Quran dan al-Sunnah. Sementara akhlahk falsafah ialah akhlahk yang bersumber kepada daya usaha kemampuan pemikiran manusia. Kedua bentuk akhlahk di atas selaras dengan pendapat Nasir Omar (1986), tentang kriteria nilai-nilai etika Islam iaitu nilai-nilai dari Allah yang dimanifestasikan melalui wahyu dan nilai-nilai buatan manusia hasil dari penggunaan kapasiti yang diberikan Allah kepada mereka, seperti akal, deria, dan lain-lain. Sidi Gazalba (1978) dan Abdur Rahman Md. Aroff (1999) mendefinisikan akhlahk sebagai sikap keperibadian yang melahirkan tingkah laku perbuatan manusia terhadap Sang Khalik dan manusia lain, terhadap diri sendiri, haiwan, dan alam sekitar mengikut perintah dan larangan serta petunjuk al-Quran dan Hadith.

Berdasarkan pandangan diatas dapat difahami bahawa setiap individu muslim haruslah menjaga keindahan budi pekertinya, keperibadian seseorang ditunjukkan oleh keindahan akhlahk lahiriah bukan bentuk jasmaniah. Akhlahk menunjukkan perangai dan tingkah laku individu sama ada baik atau buruk. Akhlahk pula mencakupi semua aspek dan elemen dalam kehidupan kerana hal itu juga merupakan sebahagian dari ajaran dan suruhan Islam yang perlu dipelihara, agar sahsiah seseorang muslim dapat terjaga sebagaimana mestinya. Hal ini berhubungkait dengan akhlahk yang diringkaskan oleh Miqdad Yaljan (1973). Beliau mendefinisikan dalam tiga aspek iaitu: 1) Sifat tabi'i atau semulajadi dari fitrah manusia. 2) Sifat yang dimiliki seseorang melalui latihan yang akhirnya diterima sebagai adat atau tabiat. Dan 3) Akhlahk terbagi kepada dua iaitu batin (jiwa) dan zahir iaitu kelakuan.

Kesimpulannya, akhlahk berkait rapat dengan perbuatan atau perlakuan manusia ketika berada dalam keadaan sedar atau tidak sedar. Di samping itu perbuatan atau perlakuan buruk boleh di elak sewaktu keadaan sedar menerusi latihan-latihan. Manusia yang mempunyai personaliti yang baik menunjukkan ia adalah individu yang berakhlahk baik. Sebaliknya manusia yang mempunyai personaliti yang buruk menunjukkan ia adalah individu yang berakhlahk buruk. Sifat yang mulia dapat membawa kepada kebahagiaan dan kesempurnaan hidup. Sedangkan sifat yang buruk boleh membawa kepada kesengsaraan dan keseksaan hidup.

METODOLOGI KAJIAN

Kesesuaian metode yang digunapakai dalam pengumpulan data dapat menghasilkan dapatan yang benar, oleh itu penjelasan metode yang digunapakai adalah penting untuk menganalisis konsep akhlahk menurut al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam kajian ini. Penyelidikan ini mengunapakai pendekatan inkuiri dengan cara analisis falsafah (Kneller, 1971; Wingo, 1974; Anderson, 1998; Koetting & Malisa, 2004; & Abdul Khobir; 2007). Data dikumpul dengan buku-buku yang berhubungkait dengan pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh. Analisis terhadap pemikiran kedua-dua tokoh menggunakan analisis falsafah dengan mengikuti tiga metode analisis berikut:

1. Interpretasi
2. Induktif dan deduktif
3. Perbandingan

(Anton Bakker & Achmad Charris Zubair, 1989).

Dalam menjalankan interpretasi penyelidik menelusuri pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh untuk mendapatkan konsep dan maklumat yang dimaksudkan oleh kedua tokoh tersebut secara khas. Pandangan kedua-dua tokoh dibandingkan dan difahami menurut keunikannya sendiri dan juga diberikan penekanan pada segi-segi tertentu. Hasil interpretasi dirumuskan secara induktif dan deduktif bagi memperjelas fikiran utama yang ingin dicapai sebagai rumusan konsep akhlahk dalam aspek intelek. Hasil interpretasi juga dianalisis secara induktif dan deduktif untuk mendapatkan intipati daripada maksud yang dikemukakan al-Ghazali dan Ibn

Miskawayh. Kemudian intipati itu diketengahkan secara perbandingan bagi merumuskan konsep akhlak dalam aspek intelek daripada perspektif persamaan dan perbezaan.

Data kajian tentang konsep akhlak al-Ghazali hanya melibatkan kepada tiga karya beliau yang berkaitan dengan akhlak iaitu *Ihya' Ulum al-Din*, *Ayyuha al-Walad*, dan *Mizan al-Amal*. Ketiga karya itu dianalisis kandungan yang berkaitan dengan konsep akhlak. Manakala pemikiran konsep akhlak Ibn Miskawayh merujuk kepada salah satu karangannya iaitu *Tahdhib al-Akhlaq* dan dua buku karangan sarjana awal tentang Miskawayh iaitu *The Refinement of Character* dan *The Ethical Philosophy of Miskawayh*. Apa sahaja yang terkandung di dalam karya tersebut yang berkaitan dengan konsep akhlak dianalisis secara mendalam.

Setiap isi kandungan dikaji berdasarkan unsur atau elemen yang terkandung dalam senarai semak. Senarai ini merupakan instrumen utama yang menjadi pedoman dalam menjalankan proses penganalisan pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam konsep akhlak. Unsur atau elemen yang terkandung dalam senarai semak sebagai berikut:

1. *Aql* (akal)
2. *Nafs* (jiwa)
3. *Qalb* (hati)
4. *Roh* (ruh)

Semua unsur tersebut berkaitan dalam proses pembentukan aspek intelek dan sebagai pedoman untuk mengkategorikan pemikiran al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam konsep akhlak.

DAPATAN KAJIAN

Al-Ghazali dalam dunia Islam dikenal sebagai *Hujjatul Islam* dengan karyanya yang paling popular *Ihya' Ulum al-Din* dan banyak karya-karya beliau yang lain yang membincangkan tentang akhlak dalam pelbagai dimensi kehidupan. Berbanding dengan Ibn Miskawayh yang dikenal sebagai bapa etika Islam yang pertama. Karyanya yang paling popular iaitu *Tahdhib al-Akhlaq* dan beberapa karya yang lain juga berkaitan dengan akhlak.

Pemikiran Al-Ghazali Dalam Konsep Akhlak

Pembahasan al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din* dengan menekankan keutamaan ilmu dan mengajar. Ilmu yang menunjukkan seseorang ke arah yang benar, perkara mencari ilmu ini diberikan penekanan oleh al-Ghazali dalam *Ihya'* sebagaimana perkataannya:

Kewujudan yang paling mulia di dunia adalah jenis manusia. Dan bagian yang paling mulia dari hakikat manusia ialah hatinya. Guru bekerja menyempurnakan hati, membesarkan, membersihkan, dan menuntunnya dekat kepada Allah s.w.t. maka di satu pihak mengajarkan ilmu adalah ibadah kepada Allah, dan di pihak lain merupakan khilafah (jawatan khalifah) disisi Allah s.w.t. Kerana manusia sebagai khalifah Allah, lalu Allah menolong hati orang berilmu (*'alim*) terhadap ilmu yang merupakan salah satu sifat-sifatNya yang paling khusus. Ilmu juga laksana bendahari bagi jiwa benda yang disimpannya (al-Ghazali, 1967;13).

Pandangan ini berdasarkan aspek intelek, mencakupi penekanan kepada hati yang harus dibersihkan dan dituntun dengan ilmu pengetahuan. Ilmu diperolehi melalui akal, mengikut Al-Ghazali (1967), manusia mempunyai kemuliaan daya fikir iaitu akal fikiran sebagai sumber ilmu, tempat berkumpul dan juga dasarnya. Melalui ilmu manusia dapat memperolehi kemuliaan sama ada di dunia mahupun di akhirat. Beliau membahagi daya fikir (akal) kepada empat peringkat:

- a) Daya fikir adalah akal yang membezakan manusia dengan haiwan.
- b) Daya fikir iaitu pengertian yang timbul pada anak-anak dalam usia tertentu.
- c) Ilmu yang diperolehi daripada latihan-latihan dan pengalaman.
- d) Pengetahuan yang berbentuk naluri yang berkemampuan mengetahui sebab-akibat dari setiap persoalan.

(al-Ghazali, 1967;40)

Al-Ghazali mengelompokkan bahawa akal yang pertama dan kedua adalah akal *gharizi* (tabiat semulajadi dalam diri manusia). Akal yang ketiga dan keempat adalah akal *muktasab* (pengetahuan yang diusahakan). Berdasarkan petunjuk al-Quran dan al-Hadith, Al-Ghazali memberi beberapa tumpuan sebagai asas pembentukan akhlak mulia. Pembahasan ini hanya menitikberatkan beberapa tumpuan ajaran sahaja yang berkaitan dengan asas pembentukan akhlak dari aspek intelek menerusi beberapa perkara di bawah ini:

(a) Ajaran Tentang Kebahagiaan (*al-sa'adah*)

Dalam membicarakan tentang kebahagiaan al-Ghazali (1964), berpandangan bahawa manusia dapat memperoleh kebahagiaan yang kekal tanpa ada kehancuran, kelazatan tanpa kesulitan, kegembiraan tanpa kesusahan, kekayaan tanpa kefakiran, kesempurnaan tanpa cacat, kemuliaan tanpa kehinaan iaitu dengan mencari kebahagiaan akhirat. Kelemahan makhluk untuk menempuh jalan kebahagiaan adalah kerana kelemahan iman mereka terhadap hari akhirat.

Kelemahan iman termasuk dalam kebodohan aspek intelek, lemah yang disebabkan kelalaian untuk menempuh jalan-jalan kebahagiaan. Berdasarkan analisis senarai semak didapati bahawa akal yang tidak sempurna menunjukkan intelek yang tidak sihat, sehingga ia tidak berkemampuan untuk berfikir mencari kebahagiaan. Mengikut Abdul Fatah (1998), unsur intelek yang cerdas otaknya, tunduk beramal untuk akhirat, sedangkan unsur intelek yang lemah otaknya, suka mengikuti perkara-perkara yang tercela.

Analisis juga didapati bahawa al-Ghazali menyatakan jiwa manusia memiliki kekuatan dari aspek kemanusiaannya iaitu kekuatan mengetahui (*'alimah*) dan kekuatan mengamalkan (*'amilah*) (1964;203, 1967;9). Kedua kekuatan ini bertujuan untuk mendapatkan kesempurnaan rohani dan intelek serta mengetahui perkara-perkara tentang ketuhanan (*aqidah*) dan syara' (amali/akhlak).

(b) Ajaran Tentang Keutamaan (*al-fadhail*)

Kebahagiaan dapat dicapai dengan mensucikan jiwa dan menyempurnakannya. Manakala menyempurnakan jiwa mestilah dengan usaha untuk mencapai seluruh keutamaan. Al-Ghazali mengemukakan keutamaan yang penting menerusi akhlak, yang dirumuskan dalam empat kuasa atau kekuatan asas.

Kebijaksanaan (*hikmah*) adalah keutamaan kekuatan akal (intelek). Kebaikan ilmu tercapai melalui kekuatannya untuk mengetahui dan membezakan antara dua perkara, seperti benar dan bohong dalam perkataan (al-Ghazali, 1964;233, 1967;69). Beliau menekankan kekuatan ini sebagai punca utama akhlak yang baik. Apabila kekuatan ilmu itu baik maka ia akan meningkat kepada peringkat 'hikmah'.

Kekuatan hikmah disandarkan kepada kekuatan akal, yang memiliki dua kekuatan: Pertama, kekuatan aras tinggi iaitu kekuatan dengannya hakikat ilmu sama ada ilmu *dharuriyah* (tanpa berdasarkan pemikiran) ataupun ilmu *nazhariyah* (berdasarkan dalil dan pemikiran) yang diterima dari golongan yang mulia (ulama) dan penuh keyakinan. Kedua, kekuatan aras bawah iaitu melibatkan badan dan anggota deria (fizikal). Kekuatan bahagian ini, menuntut jiwa menemukan kebaikan-kebaikan amal perbuatan (al-Ghazali, 1964;265, 1967;11).

Berdasarkan analisis interpretasi, adalah didapati keutamaan tentang keberanian. Al-Ghazali berpandangan bahawa keberanian iaitu keutamaan kuasa 'marah'. Kebaikan marah ialah apabila mengecut dan mengembang selaras dengan kehendak hikmah. Kebolehan mengurus marah dikatakan baik dan berani. Jika kemarahan melampaui had dikatakan pengacau, tetapi jika kemarahan lemah dikatakan penakut (1964;266, 1967;69).

Selain dua kekuatan di atas, terdapat kekuatan 'nafsu' iaitu *iffah* atau kawalan diri. Kebaiikannya apabila berada di bawah arahan hikmah iaitu arahan akal dan syarak. Kebolehan mengurus nafsu dikatakan baik dan suci. Jika nafsu melampaui batas dikatakan jahat, tetapi jika nafsu kurang (lemah) dikatakan beku (al-Ghazali, 1964;269, 1967;80). Nafsu boleh dikawal dengan membersihkan jiwa, mensucikan peribadi dan menjauhi hawa nafsu yang merosak akhlak (al-Ghazali, 1980;45-46).

Berasaskan tiga keutamaan tersebut terdapat satu lagi keutamaan iaitu 'adil' sebagai titik tengah untuk menjaga keseimbangan antara seluruh keutamaan. Kuasa adil iaitu mengawalselia nafsu dan marah dibawah arahan akal dan syarak. Jika berlaku perbuatan menjangkau batasan maka ia dikatakan zalim. Al-

Ghazali menggariskan bahawa keutamaan adil merupakan suatu keadaan yang teratur sesuai dengan ketentraman yang sebenar (1964;272, 1967;70). Beliau mengetengahkan keempat kekuatan dengan empat keutamaan yang merupakan punca akhlak (*ummahat al-akhlāq*), bahawa manusia dengan sebab kekuatan itu dapat bersedia mengamalkan perilaku yang terpuji seluruhnya (1964;286, 1967;80). Dirumuskan bahawa seluruh keutamaan di atas memiliki dua hujung dan satu sifat pertengahan. Manusia diperintahkan untuk melakukan yang pertengahan, yang lurus antara dua hujung.

(c) Ajaran Tentang Kebaikan (*al-khairat*)

Jalan mendapatkan kebahagiaan dan keutamaan seperti pembahasan sebelumnya adalah melalui perbuatan yang baik. Kebaikan akan selalu baik, tetap dan tidak berubah. Al-Ghazali menerangkan bahawa terdapat tiga penggerak kebaikan duniawi:

- a) *Al-tarhib* dan *al-tarhib* (Dorongan dan pencegahan)
- b) *Raja' al-mahmudah* (Harapan pujian yang baik)
- c) *Thalab al-fadhilah wa kamal al-nafs* (Keinginan mencapai keutamaan dan kesempurnaan jiwa)
(al-Ghazali, 1964;287)

Ketiga penggerak ini dapat dilalui manusia dengan berbeza-beza untuk mencapai kebaikan. justeru itu, tidak ada perbezaan antara kebaikan duniawi dan kebaikan ukhrawi kecuali cepat atau lambat mencapai kebaikan itu. Kebaikan menjadi harapan setiap orang yang berakal, sama ada di dunia mahupun di akhirat (al-Ghazali, 1964;289). Analisis induktif mendapati bahawa tiga penggerak kebaikan itu bertujuan untuk mencapai kecerdasan rohani. Rohani yang cerdas akan menggerakkan jiwa untuk mencari kebaikan dan kesempurnaan diri sendiri.

(d) Ajaran Tentang Kesempurnaan (*al-kamal*)

Apabila kesempurnaan diperolehi oleh seseorang individu maka pastinya individu tersebut memperoleh kebahagiaan yang hakiki. Al-Ghazali menggariskan kesempurnaan itu secara menyeluruh menjadi lima bahagian.

Kesempurnaan yang paling utama mengikut al-Ghazali adalah kesempurnaan mendapatkan kebahagiaan akhirat. Kesempurnaan itu tidak dapat dicapai kecuali dengan adanya kesempurnaan kedua. Al-Ghazali menyebutnya dengan kesempurnaan bagi keutamaan jiwa (1964;294). Seperti yang telah disebutkan sebelumnya iaitu keutamaan akal, keutamaan kawalan diri, keutamaan berani dan keutamaan adil.

Kesempurnaan ketiga iaitu keutamaan yang ada pada badan iaitu kesihatan badan, kekuatan badan, keelokan badan, dan panjang umur. Seterusnya keempat adalah kesempurnaan luaran pada manusia iaitu harta, keluarga, kemuliaan, dan keluarga mulia. Semuanya dilengkapi oleh kesempurnaan kelima iaitu taufiq dari Allah, melalui hidayah Allah, pimpinan Allah, kebaikan dari Allah, dan kekuatan dari Allah (1964;294). Analisis induktif dan deduktif mendapati bahawa pemikiran al-Ghazali tentang kesempurnaan sebagai pertimbangan dan arahan intelek sehingga boleh mencapai kesempurnaan itu.

Pemikiran Ibn Miskawayh Dalam Konsep Akhlak

Pemikiran Miskawayh tentang teori metafizik iaitu tentang Tuhan, alam, dan jiwa manusia memberikan hubungkait kepada idea-idea yang diutarakan berkaitan akhlak. Pandangan beliau lebih merujuk kepada etika Aristotle dan Neo-Platonik sehingga terjadi perbezaan dan cabaran dalam membuat kesepaduan antara keduanya yang selaras dengan pandangan Islam. Berdasarkan analisis interpretasi mendapati beberapa ajaran asas pemikiran Miskawayh yang bertumpu dalam konsep akhlak.

(a) Ajaran tentang kebahagiaan (*al-sa'adah*)

Kebahagiaan merupakan kebaikan yang amat berkaitan dengan pemilikinya dan merupakan kesempurnaan bagi pemilikinya. Kebahagiaan adalah kebaikan yang berhubungkait dengan seseorang atau orang lain, ia relatif dan esensinya tak pasti. Berbeza mengikut orang yang mengusahakannya, tetapi kebaikan mutlak tidak ada perbezaannya (Miskawayh, 1961;78, Ansari, 1964;70, & Zurayk, 1968;69).

Sebagaimana ajaran tentang kebaikan terdapat pembahagiannya, begitu juga dengan kebahagiaan. Analisis mendapati bahawa Miskawayh dalam merumuskan pembahagian tentang kebahagiaan merujuk kepada pandangan Aristotle yang membahagi kebahagiaan menjadi lima:

Pertama, kebahagiaan yang merujuk kepada kesihatan badan dan kelembutan deria yang mencakup pendengaran, penglihatan, bau, rasa, dan sentuhan yang baik. Kedua, kebahagiaan yang berdasarkan dengan memperolehi keberuntungan. Ketiga, kebahagiaan kerana memiliki nama baik dan termasyhur di kalangan orang-orang yang memiliki keutamaan dan mendapat pujian orang-orang tersebut kerana sentiasa berbuat kebajikan (Miskawayh, 1961;83, Ansari, 1964;72, & Zurayk, 1968;72). Semua kebahagiaan tersebut mengikuti arahan intelek untuk mendapatkannya.

Keempat, kebahagiaan yang ada pada seseorang yang sukses dalam segala hal, sehinggalah ia dapat mewujudkan semua cita-citanya dengan sempurna. Manakala perkara yang kelima, kebahagiaan dapat diperolehi apabila seseorang cerdas dan cermat dalam berfikir dan memberikan pendapat serta lurus keyakinannya (Miskawayh, 1961;83, Ansari, 1964;72, & Zurayk, 1968;72). Analisis induktif menunjukkan bahawa peribadi yang sukses kerana peribadi yang cergas fikirannya dengan penuh keyakinan dari aspek intelek dan petunjuk agamanya. Sebagaimana pendapat M Abduh (dlm. Ali Zawawi, 1999) bahawa potensi intelek yang membezakan manusia dari makhluk-makhluk lainnya. Sehinggalah cita-citanya dapat diwujudkan dengan keyakinan dan sempurna.

(b) Ajaran Tentang Keutamaan (*al-fadhail*)

Mengikut Miskawayh bahawa jiwa manusia mempunyai tiga fakulti yang menjadikan manusia boleh mencapai kebajikan dan keutamaan (*al-fadhail*). Fakulti yang pertama adalah fakulti berfikir (rasional), Miskawayh menyatakan apabila aktiviti jiwa berfikir dengan mencukupi tidak keluar dari jalan dirinya dan mencari pengetahuan yang benar maka jiwa berfikir dapat mencapai keutamaan sikap bijaksana (*al-hikmah*) (Miskawayh, 1961;20; Ansari, 1964;88 & Zurayk, 1968;15). Analisis senarai semak menunjukkan teori tersebut selari dengan pandangan Muhammad Wahyuni Nafis (2006), bahawa jiwa peribadi yang seimbang akan membimbing kebaikan dan menyediakan kecerdasan, inilah pandangan Miskawayh dalam konteks jiwa berfikir.

Fakulti yang kedua iaitu fakulti nafsu, Miskawayh menjelaskan apabila aktiviti jiwa haiwan dikendalikan oleh jiwa berfikir, tidak berlawanan dengannya, dan tidak lemah dalam memenuhi kehendak hawa nafsu maka jiwa berfikir akan mencapai keutamaan kawalan diri (*al-iffah*). (Miskawayh, 1961;20, Ansari, 1964;88, & Zurayk, 1968;15).

Analisis juga mendapati pandangan Miskawayh tentang jiwa amarah. Beliau merumuskan apabila aktiviti jiwa amarah mematuhi arahan jiwa berfikir, dan tidak bangkit lagi pada masa yang tidak sesuai atau terlalu bergelora, maka akan mencapai keutamaan sikap berani (*al-syaja'ah*). (Miskawayh, 1961;20, Ansari, 1964;88, & Zurayk, 1968;15). Analisis senarai semak menunjukkan bahawa pandangan Muhammad Wahyuni Nafis (2006), yang menghuraikan unsur emosi dicetuskan oleh fikiran rasional dan akal dapat membaca realiti emosi dan membuat penilaian secara naluri terhadap realiti emosi. Pendapat ini selari dengan pandangan Miskawayh. Ketiga keutamaan tersebut saling berhubungkait sehingga lahir keutamaan lain menyempurnakannya iaitu keutamaan sifat adil (*al-adl*). (Miskawayh, 1961;20, Ansari, 1964;88, & Zurayk, 1968;16).

Miskawayh juga menghuraikan empat unsur berlawanan daripada empat keutamaan iaitu kebodohan (*al-jahl*), kerakusan (*al-Syirh*), pengecut (*al-jubn*), dan kezaliman (*al-jawr*). Empat perilaku hina tersebut merupakan penyakit jiwa dan menimbulkan banyak kepedihan dan kesengsaraan. Justeru itu, manusia mesti mengawal empat keutamaan untuk menolak empat keburukan menerusi hakikat kebaikan daripada akal (intelek).

(c) Ajaran Tentang Kebaikan (*al-khairat*)

Pandangan Miskawayh tentang kebaikan juga merujuk kepada pandangan Aristotle. Menurut Miskawayh, kebaikan adalah berhubungan dengan tujuan tiap sesuatu perkara dan kebaikan merupakan tujuan terakhir. (Miskawayh, 1961;78, Ansari, 1964;71, & Zurayk, 1968;69). Namun sesuatu yang bermanfaat untuk

mencapai tujuan itu disebut juga dengan kebaikan. Kebaikan bersifat mutlak benar, kerana akal tidak mungkin menerima usaha atau gerak yang tidak ada akhirnya.

Berdasarkan analisis didapati bahawa Miskawayh membahagi kebaikan sepertimana pembahagian oleh Aristotle. Miskawayh merumuskan kebaikan sebagai berikut:

- a) *Al-syarifah* iaitu kebaikan kerana zatnya yang diperolehi melalui hikmah dan akal.
- b) *Al-mamdudah* iaitu keutamaan dan perbuatan yang diusahakan dengan baik dan dipersiapkan untuk mendapatkan sesuatu yang akan berlaku.
- c) *Al-nafi'ah* iaitu segala sesuatu yang diinginkan bukan untuk zatnya tetapi alat untuk mewujudkan kebaikan itu.

(Miskawayh, 1961;80, & Zurayk, 1968;70).

Analisis juga menunjukkan bahawa kebaikan mutlak adalah kebaikan rohani. Kebaikan sementara dinamakan kebaikan nafsu syahwat. Sedangkan kebaikan yang disepakati manusia adalah kebaikan akal (intelekt).

(d) Ajaran Tentang Kesempurnaan (*al-kamal*)

Manusia dapat menentukan arah penciptaannya sebagai khalifah. Dengan kewujudan substansi inilah manusia dapat memperoleh tingkatan yang tinggi. Analisis interpretasi mendapati bahawa pembahasan Miskawayh dalam wacana kedua (*al-makalah al-tsaniah*) menyatakan:

Kesempurnaan manusia ada dua macam, kerana dua kekuatan yang dimilikinya: fakulti teoritikal (*'alimah*) dan fakulti praktikal (*'amilah*). Fakulti yang pertama manusia cenderung kepada berbagai macam ilmu dan pengetahuan dan yang satu lagi cenderung kepada mengatur perkara-perkara (Miskawayh, 1961;43).


Berdasarkan petikan di atas bahawa kesempurnaan manusia itu terdapat dalam dua perkara iaitu teoritikal (*al-'alimah*) dan praktikal (*al-'amilah*). Kesempurnaan teoritikal merupakan kecenderungan manusia yang berpunca kepada pelbagai ilmu dan pengetahuan. Manakala kesempurnaan praktikal adalah kecenderungan manusia dalam mengamalkan ilmu dan pengetahuan yang dimilikinya secara bersepadu (Miskawayh, 1961;43, Ansari, 1964;79, & Zurayk, 1968;36). Berdasarkan penjelasan beliau dapat dirumuskan bahawa individu yang sempurna intelek akan memperoleh darjah yang tinggi dan mulia.

Persamaan Dan Perbezaan Konsep Akhlak Dalam Aspek Intelekt

Berdasarkan analisis perbandingan, kajian ini telah mengenalpasti pemikiran konsep akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam aspek intelek daripada perspektif persamaan dan perbezaan. Daripada persamaan pemikiran al-Ghazali dan Miskawayh dari segi intelek mendapati bahawa hakikat akal ialah memperoleh pengetahuan secara semulajadi dan pengetahuan yang diusahakan dari kenikmatan esensial untuk memikirkan apa yang semestinya harus difikirkan untuk mengarahkan unsur dan elemen emosi dan jasmani. Mereka juga berpandangan bahawa pengetahuan intelek berfungsi untuk membezakan kebaikan dan keburukan dalam mengelakkan perilaku nafsu syahwat yang merosak akhlak.

Allah menciptakan manusia dan memberikan akal agar manusia menjadi makhluk yang sempurna dan mulia. Akal manusia terdiri dari kekuatan teoritikal (*'alimah*) dan praktikal (*'amilah*) seperti yang dinyatakan al-Ghazali dan Miskawayh. Hakikat kekuatan tersebut cenderung kepada ilmu dan pengetahuan. Jiwa wujud dalam badan fizikal, ilmu bersarang dalam jiwa, kerana ilmulah Allah menjadikan manusia. Ilmu diperolehi melalui proses aktiviti intelek, justeru itu proses wujudnya aktiviti intelek maka manusia dapat mencapai kesempurnaan dan kemuliaan.

Dalam membincangkan tentang keutamaan, al-Ghazali dan Miskawayh merumuskan kekuatan ilmu ialah keutamaan hikmah (kebijaksanaan) sebagai tingkat intelek yang tinggi. Keutamaan hikmah disandarkan kepada pengetahuan vertikal dengan Allah dan horizontal dengan manusia untuk menentukan pilihan yang benar sesuai hakikatnya. Berdasarkan konsep akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam aspek intelek, maka dirumuskan perkaitannya sebagai berikut:



Rajah 2
Hubungan aspek intelek

Berdasarkan rajah 2, bahawa dalam diri manusia terdapat roh, jiwa, hati, dan akal. Secara sepadu keempat fakulti ini memainkan peranan dalam pembinaan akal untuk berfikir. Proses lahirnya pemikiran kerana dalam akal manusia terdapat kekuatan ilmu yang substansinya adalah keutamaan kebijaksanaan (*hikmah*). Manusia menjadi utama, apabila dapat menentukan pilihan hidup yang baik dan benar sesuai dengan kehendak hikmah. Melakukan sesuatu perkara atas pertimbangan baik dan benar mengikut arahan hikmah maka dapat membentuk akhlak yang baik.

Sedangkan dari segi perbezaan secara amnya menunjukkan konsep akhlak al-Ghazali lebih banyak menyebutkan sumber Al-Quran dan al-Hadith berbanding perbincangan Miskawayh yang hanya beberapa persoalan sahaja yang merujuk kepada Al-Quran dan al-Hadith tetapi lebih kepada penalaran akal dan pemikiran ahli falsafah Yunani. Pemikiran al-Ghazali dan Miskawayh dalam konsep akhlak hanya mendapati beberapa perbezaan dalam aspek intelek.

Pemikiran al-Ghazali tentang akal lebih mendalam yang mengandungi unsur hati. Beliau membahagi akal kepada empat peringkat yang digolongkan menjadi dua: akal *gharizi* (naluri semulajadi dalam diri manusia) dan akal *muktasab* (pengetahuan yang diusahakan melalui pengalaman dan pengetahuan akibat dari segala hal). Sementara Miskawayh hanya membincangkan kekuatan akal dari proses berfikir (*'akil*), dan objek yang difikirkan (*ma'kul*) sehingga dapat membezakan kebaikan dan keburukan.

PERBINCANGAN

Pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Islam telah menyetengahkan sama ada ilmu dunia atau akhirat tetapi juga mendapati pelbagai cabaran. Analisis perbincangan al-Ghazali dan Miskawayh tentang konsep akhlak bahawa kedua-dua tokoh menekankan bahawa tujuan akhir kehidupan manusia adalah untuk kebahagiaan dunia dan akhirat, oleh itu manusia mesti mempraktikkan amalan-amalan kebaikan untuk mencapai matlamat itu.

Manakala dari segi pembentuk akhlak al-Ghazali dan Miskawayh sama-sama membincangkan tentang kebaikan (*al-khair*), keutamaan (*al-fadhail*), kebahagiaan (*al-sa'adah*) dan kesempurnaan (*al-kamal*). Keempat teori (ajaran) ini mesti diambil kira secara sepadu dan berterusan dalam mewujudkan pendidikan Islam yang berkesan. Analisis juga menunjukkan bahawa empat teori tersebut sangat berhubungkait dengan aspek intelek. Perbincangan al-Ghazali dan Miskawayh tidak menghuraikan secara spesifik tentang aspek intelek dalam ajaran kebaikan, keutamaan, kebahagiaan dan kesempurnaan. Justeru itu, secara tersirat

perbincangan kedua-dua tokoh menunjukkan ajaran tentang akhlak untuk membentuk dan membina aspek intelek yang kukuh.

Pembinaan dan pembangunan aspek intelek mestilah dimulai sejak kanak-kanak untuk mencapai asas yang kukuh sehingga boleh mencapai tingkat hikmah. Keutamaan hikmah tidak boleh dicapai apabila tidak mempunyai kekuatan ilmu yang kukuh dan benar sesuai akal dan syarak. Justeru itu, pada usia kanak-kanak, individu diajarkan dan ditanamkan nilai-nilai yang benar dan baik supaya dapat menentukan pilihan yang benar dan baik menerusi pandangan akal dan syarak. Al-Ghazali dan Miskawayh telah menyatakan sifat-sifat yang wujud dalam keutamaan hikmah. Oleh itu, latihan dan pembiasaan terhadap sifat-sifat tersebut mestilah diberi penekanan dan digalakkan secara berterusan.

PENUTUP

Kesimpulannya bahawa konsep akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh mendapati bahawa secara umum mereka membincangkan tentang keutamaan, kebaikan, kebahagiaan dan kesempurnaan yang berhubungkait dengan aspek intelek. Persamaan pemikiran kedua-dua tokoh bahawa dalam jiwa insan terdapat kekuatan ilmu (intelek) yang menuntun emosi dan jasmani. Sedangkan dari segi perbezaan, Al-Ghazali membincangkan tentang akhlak secara 'dalaman' dan mendalam dengan fungsi dan tugas setiap aspek. Sementara Ibn Miskawayh menjelaskan secara 'luaran' dan perilaku yang muncul dari aspek tersebut.

RUJUKAN

- Abubakar Aceh. (1982). *Sejarah Filsafat Islam*. Jakarta: Ramadhani Sala.
- Abdul Fatah Hasan. (1998). *Pemikiran Keseluruhan Otak; dalam pengurusan pendidikan dan kaitannya dengan kecerdasan emosi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Khobir. (2007). *Filsafat Pendidikan Islam Landasan Teoritis dan Praktis*. Pekalongan: STAIN Press.
- Abdul Rahman Md. Aroff. (1999). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Abd al-Latif Muhammad Abd. (1985). *Akhlaq fi al-Islam*. Kahirah: Maktabah Dar al-Thaum.
- Aisyah Syati. (1969). *Maqal fi al-Insan, Dirasah Qur'aniyah*. Kairo: Darul Ma'arif. Terj. oleh Ali Zawawi (1999). *Manusia Dalam Perspektif Al-Quran*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Ali Abdul Halim Mahmud. (1995). *Akhlaq Mulia*. Terj. oleh Abdul Hayyie al-Kattani et. al. (2004). Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Ghazali. (t.t.). *Ihya Ulum al-Din*. Juz 5, Beirut, Libanon: Dar al-Ma'arif.
- Al-Ghazali. (1967). *Ihya ulum al-Din*. Juz 1, Qahirah: Mu'assah al-Halabi wa Syarikah li al-Nasyri wa at-Tauzi'.
- Al-Ghazali. (1967). *Ihya ulum al-Din*. Juz 3, Qahirah: Mu'assah al-Halabi wa Syarikah li al-Nasyri wa at-Tauzi'.
- Al-Ghazali. (1964). *Mizan al-Amal*. Oleh Sulaiman Dunya. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Al-Ghazali. (1980). *Ayyuha al-Walad al-Muhib*. Oleh Abdullah Ahmad Abu Zinah. Dar al-Syuruq.
- Anton Bakker & Achmad Charris Zubair. (1989). *Metodologi Penelitian Filsafat*. Yogyakarta: Kanisius.
- Anderson, G. (1998). *Fundamentals of Educational Research*. New York: Falmer Press.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Azizah Zakaria. (2004). Penghayatan terhadap beberapa aspek dalam falsafah etika al-Ghazali: Kajian di kalangan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. *Disertasi*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Franz Magnis Suseno. (1987). *Etika Dasar: Masalah-Masalah Pokok Filsafat Moral*, Yogyakarta: Kanisius.
- Fuad Moh. Fachruddin. (1970). *Dialektika Islam: Alam Pikiran Islam*. Bandung: Diponegoro.
- Harun Din. (2001). *Manusia dan Islam*. Jilid 2. Selangor Darul Ehsan: Dewan Pustaka dan Bahasa.
- Ibn Miskawayh. (1398). *Tadhib al-Akhlaq wa Tathhir al-A'raq*. Beirut: Mansyurah Dar al-Maktabah al-Hayat.
- Ibn Miskawayh. (1398). *The Refinement of Character*. Terj. oleh Constantine K. Zurayk (1968). Beirut: American University of Beirut.
- Imran Effendy Hasibuan. (2003). *Pemikiran Akhlak Syekh Abdurrahman Shiddiq al-Banjari*. Pekanbaru: LPNU Press.
- Kneller, G.F. (1971). *Foundations of educations*. New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Koetting, J. R., & Malisa, M. (2004). Philosophy, research, and education. In D. H. Jonassen (Ed.), *Handbook of research in educational communications and technology* (2nd ed., pp. 1009-1020). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- M Abdul Haq Ansari. (1964). *The Ethical Philosophy of Miskawaih*. India: The Aligarh Muslim University Press.
- Mustafa Dib Bugha. (1997). *Nidham al-Islami fi al-'Aqidah wa al-Akhlaq wa al-Tashri'*. Damsyik: Dar al-Mustafa.
- Mu'jam Wajiz. (2000). Mesir: Kementerian Pendidikan dan Pengajaran.
- Mohd. Hussain Rusli. (2003). Pembangunan Insan: Kajian Perbandingan Antara al-Ghazali dan Ibn Khaldun. *Disertasi*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohd Jais Anuar Bin Ahmad. (2003). Metod Pembinaan Sahsia Diri: Satu Analisis Terhadap Pemikiran Falsafah Akhlak Ibn Miskawayh Menerusi Kitab Tahdhibul Al-Akhlaq. *Disertasi*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohd. Nasir Omar. (1986). *Falsafah Etika: Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Pelajar Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Sayyed Naim. (1996). *Fi al-Ilmi al-Akhlaq*, Syirkah al-Tibaáh al-Fanniyah al-Muttahiddah.
- Mohd. Sullah. (2010). Studi Komparasi Konsep Pendidikan Akhlak Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Ibnu Miskawaih. *Kertas Projek*. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim. Malang.
- Muhammad Wahyuni Nafis. (2006). *Yakin Diri 9 Jalan Cerdas Emosi dan Cerdas Spiritual*. Jakarta: Hikmah.
- Miqdad Yaljan. (1973). *Al-Ittijah al-Akhlaqi fi al-Islam*, Kaherah: Maktabah al-Khanaji.
- Sidi Gazalba. (1978). *Ilmu Islam III*. Kuala Lumpur: Offset Bumikita.
- Wingo, M. (1974). *Philosophy of education: An intoduction*. Lexington, MA: D. C. Heath.